

CUKAI PENDAPATAN, CUKAI KORPORAT RENDAH DIHARAP DIUMUMKAN PADA BAJET 2017

October 4, 2016, Tuesday
The Borneo Post

KUCHING: Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MPKM) berharap untuk melihat kadar cukai pendapatan dan cukai korporat yang rendah diumumkan dalam pembentangan Bajet 2017 yang dijangka akan dibentangkan dalam Parlimen pada 21 Oktober depan.

Menurut Naib Presiden Penerbitan dan Penyelidikan MPKM James Bong, rakyat negara ini pastinya mengharap bajet kebangsaan yang bersifat mesra rakyat.

“Menurut jangkauan yang besar, ia (Bajet 2017) pastinya diharap berjiwa rakyat, sementara mengekalkan bajet yang berhemah tetap akan menjadi keutamaan.

“Malah, ia juga menjadi hasrat kita untuk melihat cukai pendapatan dan cukai korporat yang rendah akan diperkenalkan memandangkan telah dilaporkan bahawa kutipan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) akan mencapai sasaran RM39 bilion,” katanya ketika berucap pada seminar yang dianjurkan MPKM di sebuah hotel di sini semalam.

James memberitahu, MPKM juga mempunyai keistimewaan untuk bekerjasama dengan Invest Smart, salah satu pemerkasaan pelaburan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk membawa literasi kewangan kepada rakyat wanita negara ini.

Mengulas mengenai populasi golongan itu yang mencecah 49.3 peratus di Malaysia, katanya, mereka seharusnya menyedari kepentingan pelaburan terutama menerusi pasaran modal yang bernilai RM2.9 trilion.

Kesedaran itu, ujarinya akan membantu memberi gambaran bagaimana wang boleh bekerja untuk mereka bukan mereka bekerja untuk wang.

“Kepada mereka yang tidak biasa dengan program MPKM, Perancang Kewangan Berdaftar (RFP) merupakan program kelayakan perancangan kewangan yang diperkenal dan dilancarkan pada November 2001 oleh Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

“Sejak tahun 2004, MPKM telah ditugaskan dengan misi untuk membawa pendidikan perancangan kewangan kepada rakyat Malaysia menerusi RFP dan seterusnya Program RFP Syariah,” jelasnya.

Dalam perkembangan sama, mengulas mengenai statistik rasmi, James berkata pengambilan penuntut wanita di kebanyakan universiti di Malaysia ternyata lebih tinggi berbanding lelaki di semua peringkat kecuali PhD pada tahun lalu.

Tambahnya, pengambilan penuntut wanita di negeri ini juga merekodkan sebanyak 64 peratus, maka dengan itu, memperkenalkan mata pelajaran perancangan kewangan di universiti seperti Universiti

Malaysia Sarawak (UNIMAS) bakal menyaksikan penuntut diberi peluang untuk melanjutkan program kelayakan perancangan kewangan.

“Ini juga bagi memastikan mereka dilengkapi minda perancangan kewangan untuk menguruskan kewangan peribadi mereka sendiri,” jelasnya.